



فرتوبوهن كبغساءن ملايو برساتو
PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU
(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION) UMNO

No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

SETIAUSAHA AGUNG

KENYATAAN MEDIA

1. Perhimpunan Agung UMNO 2020 (PAU 2020) akan diadakan pada 27 Mac dan 28 Mac 2021 (Sabtu dan Ahad).
2. Perhimpunan Agung UMNO 2020 mencatat sejarah tersendiri kerana pertama kalinya akan diadakan secara kombinasi bersemuka dan maya. Secara bersemuka di Dewan Merdeka, PWTC dan secara maya di 190 UMNO Bahagian-bahagian.
3. Pada 27 Mac 2021, Perhimpunan Wanita, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri akan dirasmikan oleh YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Timbalan Presiden UMNO di Dewan Merdeka, Aras 4, PWTC.
4. Upacara menaikkan bendera akan diadakan di Plaza Merdeka dan disempurnakan oleh YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Presiden UMNO pada 28 Mac 2021. Ia akan dihadiri oleh Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO serta EXCO Wanita, EXCO Pergerakan Pemuda dan EXCO Pergerakan Puteri UMNO.
5. Upacara perasmian Perhimpunan Agung UMNO akan diadakan pada 28 Mac 2021, Ahad jam 8.30 pagi di Dewan Merdeka, PWTC, yang mana acara kemuncaknya adalah Ucapan Dasar oleh YB Presiden UMNO.



*Rakyat Didahulukan
People First*



46322/A/0001/UK/En

BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT

Surat-surat hendaklah dialamatkan kepada: Setiausaha Agung, Ibu Pejabat Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO
Tingkat 38, Menara Dato' Onn, Jalan Tun Ismail, 50480 KUALA LUMPUR. Tal: 03-40429511 Faks: 03-40416955

Peti Surat 11782, 50756 KUALA LUMPUR.

Laman Web : www.umno-online.com | e-Mel: info@umno.org.my

6. Setelah selesai Perasmian Perhimpunan Wanita, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri oleh YB Timbalan Presiden UMNO; Ketua Wanita, Ketua Pergerakan Pemuda dan Puteri UMNO akan menyampaikan ucapan Dasar mereka di dewan yang ditetapkan.
7. Ucapan Dasar YB Presiden, Ucapan Perasmian YB Timbalan Presiden UMNO, Ucapan Dasar Ketua Wanita, Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Puteri, akan disiarkan melalui media sosial seperti FB Live/FB Watch/UMNO Online. Ucapan perbahasan oleh wakil UMNO dari negeri-negeri akan disiarkan secara dalaman melalui aplikasi Webex.
8. Perbahasan adalah berkaitan ucapan Dasar Ketua-ketua Sayap dan Ucapan Dasar Presiden. Ucapan dasar mereka akan menyentuh antara lain isu berkaitan politik, ekonomi, sosial, agama, antarabangsa dan juga isu-isu semasa yang lain seperti COVID-19 dan vaksin.
9. Majlis Keselamatan Negara (MKN) Wilayah Persekutuan telah meluluskan PAU 2020 melalui surat bertarikh 19 Mac 2021. Perbincangan Setiausaha Agung UMNO dengan Pengarah MKN Wilayah Persekutuan dan Ketua Polis Daerah Dang Wangi juga telah diadakan.
10. UMNO akan mematuhi segala SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) seperti mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka, pemeriksaan suhu, mengimbas MySejahtera dan sanitasi tangan.
11. SOP yang berkuatkuasa pada 18 Mac 2021, mengenai PKPB di Kuala Lumpur dan SOP *Meetings, Incentives, Conferences & Exhibitions* (MICE) yang berkuatkuasa pada tarikh tersebut akan dipatuhi.

12. Selain itu, bagi tujuan pematuhan SOP, UMNO akan menambah anggota keselamatan seperti RELA dan Skuad Sabil.
13. Pemerhati orang awam dan ahli UMNO yang bukan perwakilan tidak dibenar menghadiri Perhimpunan Agung UMNO 2020 di PWTC kali ini.
14. Tidak akan ada gerai jualan dan *food trucks* dibenarkan beroperasi.
15. Sebanyak 42 agensi media cetak dan elektronik telah memohon untuk membuat liputan pada perhimpunan kali ini setakat 23 Mac 2021.
16. Berikutan SOP yang ditetapkan, tiada petugas media dibenarkan untuk berada di dalam dewan persidangan. Media boleh membuat liputan di Laman Media secara maya di Bilik Mawar, Aras 2, PWTC.
17. Taklimat kepada petugas media diberikan oleh Pegawai Media Ibu Pejabat UMNO berhubung peraturan yang ditetapkan selaras dengan SOP yang dikeluarkan oleh MKN dan Kementerian Kesihatan.
18. Maklumat lanjut mengenai Perhimpunan Agung UMNO 2020 boleh diperolehi dalam Media Kit yang disediakan atau berhubung dengan pegawai berkaitan di Ibu Pejabat UMNO.
19. PAU 2020 adalah perhimpunan yang penting sempena Sambutan Jubli Intan, 75 Tahun UMNO bagi meningkatkan semangat perjuangan. UMNO akan terus Prihatin Rakyat, Membela dan Membantu Rakyat, menjadi Juara Rakyat dan sentiasa menyuarakan Suara Rakyat.

Sekian. Terima kasih.

DATUK SERI HAJI AHMAD BIN MASLAN
SETIAUSAHA AGUNG UMNO
23 MAC 2021

ACARA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 2020

27hb. Mac 2021 (Sabtu)

BIL	MASA	ACARA	TEMPAT
1.	8.00 pagi	Perasmian serentak Persidangan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO oleh YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Hasan, Timbalan Presiden UMNO	Dewan Merdeka
2.	10.00 pagi	Persidangan Perwakilan Wanita UMNO	Dewan Tun Dr. Ismail
3.	10.00 pagi	Persidangan Perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO	Dewan Tun Hussein Onn
4.	10.00 pagi	Persidangan Perwakilan Pergerakan Puteri UMNO	Dewan Merdeka
5.	1.00 tengahari	Makan tengahari	Dewan Tun Razak 3 & 4
6	2.30 petang	Persidangan disambung semula	Dewan masing-masing
7.	7.00 petang	Persidangan ditangguhkan	

28hb. Mac 2021 (Ahad)

BIL	MASA	ACARA	TEMPAT
1.	7.30 pagi	Acara Menaikkan Bendera Sang Saka Bangsa	Plaza Merdeka, Aras 4
2.	8.25 pagi	Sesi Bergambar Ahli Majlis Tertinggi UMNO dan EXCO-EXCO Sayap	Plaza Merdeka
3.	9.00 pagi	Perasmian Persidangan Perhimpunan Agung UMNO oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Presiden UMNO	Dewan Merdeka, Aras 4
4.	1.00 tengahari	Makan tengahari	Dewan Tun Razak 3 & 4
5.	2.30 petang	Persidangan disambung semula	Dewan Merdeka, Aras 4
			Dewan Tun Hussein Onn, Aras 2
			Dewan Tun Dr. Ismail, Aras 2
	7.00 petang	Persidangan ditangguhkan	
7.		Sidang Media	Bilik Melor